

HASiL/2026/04/20 – 23

HASiL PERKASA DIGITALISASI PMKS MELALUI PENGANJURAN
KARNIVAL PMKS DAN E-INVOIS

KUALA LUMPUR, 20 APRIL 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus memperkukuh agenda pendigitalan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui penganjuran Karnival PMKS dan e-Invois yang memfokuskan kepada peningkatan produktiviti, inovasi dan pengembangan pasaran.

Karnival dua hari pada 20 dan 21 April 2026 ini dirasmikan oleh YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Kewangan, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, bersempena Sambutan Hari HASiL Ke-30.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan YBhg. Dato' John Patrick A/L Antonysamy, Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia merangkap Anggota Lembaga.

Penganjuran karnival ini merupakan pusat sehenti (one-stop centre) yang menghubungkan PMKS dengan lebih 20 agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta serta institusi kewangan bagi memperkasa penerapan digitalisasi, meningkatkan keupayaan perniagaan dan membuka akses kepada pembiayaan serta pasaran baharu.

Dalam ucapannya, Timbalan Menteri Kewangan berkata PMKS bukan sekadar penyumbang ekonomi, tetapi tulang belakang yang perlu diperkasa melalui pendigitalan seperti e-Invois bagi memastikan mereka kekal berdaya saing dalam ekonomi moden.

Selaras dengan pelaksanaan e-Invois di peringkat nasional, karnival ini turut menyediakan sokongan menyeluruh kepada PMKS termasuk latihan, khidmat nasihat dan pendedahan kepada penyelesaian digital yang mampu meningkatkan kecekapan operasi serta ketelusan kewangan.

Dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu, penggunaan e-Invois dilihat sebagai pemangkin kepada pengurusan aliran tunai yang lebih cekap, kawalan kewangan yang lebih baik serta keupayaan perniagaan untuk membuat keputusan secara lebih tepat dan pantas.

Selain itu, karnival ini turut menampilkan lebih 30 usahawan daripada pelbagai sektor serta reruai utama HASiL yang menyediakan khidmat nasihat secara langsung, di samping mempromosikan penggunaan Portal MyInvois dan MyInvois e-POS sebagai pemudah cara pelaksanaan e-Invois dalam kalangan PMKS.

Perniagaan boleh mendapatkan khidmat nasihat pelaksanaan e-Invois melalui saluran khas yang disediakan oleh HASiL seperti yang berikut:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois Live Chat;

- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 20 April 2026

LAMPIRAN



YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Kewangan menyampaikan ucapan sempena Majlis Perasmian Karnival Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan e-Invois.



YB Timbalan Menteri Kewangan diiringi YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil agensi yang menyertai karnival ini.



YB Timbalan Menteri Kewangan merakamkan gambar kenang-kenangan bersama dengan barisan pengurusan kanan HASiL dan tetamu jemputan.



YB Timbalan Menteri Kewangan meluangkan masa menyantuni para pempamer yang menyertai karnival pada hari ini.